

ABSTRAK

Mohd Rusdi bin Mansor : Pendekatan Dakwah Rasulullah s.a.w. di Mekah : Kajian pelaksanaannya di Institusi-Institusi Dakwah Perlis . Disertasi, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia 2003/2004

Disertasi ini ditulis bagi memenuhi syarat kelayakan mendapat ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Disertasi ini ialah satu kajian yang cuba memberi pendedahan tentang pendekatan dakwah Rasulullah s.a.w. semasa beliau berdakwah kepada kaum Quraisy di Mekah. Dakwah Rasulullah s.a.w. di Mekah adalah permulaan kepada perkembangan Islam dan ia adalah asas kepada gerakan dakwah dan menjadi panduan kepada para pendakwah hingga ke hari ini. Sungguhpun majoriti masyarakat yang mendiami Mekah pada zaman Rasulullah s.a.w. terdiri dari bangsa Quraisy namun terdapat juga berbagai bangsa yang mendiami kota suci ini dan ini hampir menyamai masyarakat yang mendiami Negeri Perlis.

Antara pendekatan Rasulullah s.a.w. dalam dakwahnya yang cuba diketengahkan dalam kajian ini ialah pendekatan melalui isi kandungan dakwahnya yang mudah diterima oleh akal yang waras, pendekatan melalui cara penyampaian serta pendekatan melalui contoh akhirknya yang mulia. Dari beberapa pendekatan yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. itu, penulis cuba membuat perbandingan dengan pendekatan dakwah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Institusi Islam di Perlis. Penulis melihat wujudnya kesinambungan antara pendekatan dakwah Rasulullah s.a.w. dengan pendekatan yang dilakukan oleh Institusi Islam di Perlis. Kajian ini mendapati wujudnya unsur-unsur persamaan antara pendekatan dakwah Rasulullah s.a.w. dengan pendekatan dakwah Institusi Islam di Perlis. Rasulullah s.a.w. telah menjadikan sasaran dakwahnya di Mekah iaitu kaum Quraisy serta kabilah Arab yang datang mengunjungi kota ini sementara di Perlis sasaran dakwah Institusi Islam pula ialah masyarakat Islam sendiri dan juga masyarakat bukan Islam terdiri dari masyarakat Cina, India dan juga masyarakat Thailand. Selain cuba menonjolkan titik persamaan dalam pendekatan dakwah kajian ini juga mengemukakan beberapa perbezaan dalam pelaksanaan aktiviti dakwah antara Rasulullah s.a.w. dengan institusi Islam Perlis.

Kajian ini juga mendapati institusi Islam yang terbabit dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam begitu terhad di mana hanya dua buah institusi sahaja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam iaitu PERKIM cawangan Perlis dan juga Jabatan Agama Islam Perlis. Manakala institusi lain seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Parti Islam SeMalaysia (PAS), Jemaah Tabligh, Persatuan Islah Perlis tidak terlibat dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Aktiviti mereka tertumpu kepada masyarakat Islam sahaja.

Institusi Islam yang terlibat dengan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam seperti PERKIM Perlis dan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPS) telah menjalankan beberapa pendekatan samada pendekatan berbentuk jangka pendek mahupun pendekatan berbentuk jangka panjang.

Selain itu ia juga mengemukakan beberapa permasalahan dalam pelaksanaan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis di samping mengutarakan beberapa cadangan dan saranan dalam usaha mempergiatkan lagi aktiviti dakwah di Perlis.

ABSTRACT

Mohd Rusdi bin Mansor : Method of da'wah the prophet Muhammad s.a.w. in Mecca.: Study of its implementation among the da'wah institutes in Perlis. Dissertation, Usuluddin Department University Malaya . 2004/2005

The dissertation is written to fulfill the condition required to obtain the masters degree in Usuluddin, Academy of Islamic Studies University Malaya.

This dissertation is a study which tried to expose Rasulullah s.a.w. missionary approach to the Quraisy in Mecca which is the beginning of the growth of Islam and and it is the basic guide to the present day missionaries. Eventhough the majority of the population in Mecca is the Quraisy, there are other races who inhabit the holy city and this closely resembled the society in Perlis.

This study tries to look at Rasulullah s.a.w. approach through the contents of his mission which is easily absorbed by the rational mind, through his exemplary character . From several approaches which are used and and will be done by the Islamic Institute in Perlis, the writer saw a continuity between the approach used by the Islamic Institutes in Perlis and Rasulullah s.a.w. approach in Mecca.

This study also highlight the similar elements between Rasulullah s.a.w. approach and the approach taken by the Islamic institutes in Perlis. Rasulullah s.a.w. had preached his mission to the Quraisy and the Arab tribes who came to Mecca and in Perlis the target of Islamic Institute is both the muslim community and non muslim community like the Chinese, Indian and Thais. The study showing the similarities in missionary approach and the differences of the missionary activity used by Rasulullah s.a.w. and the Islamic Institutes in Perlis.

This study also found that there are only two Islamic Institutes involved in direct missionary work to non muslim community. They are the Perlis branch of PERKIM and Perlis Department of Islamic Affairs. Other institutions like Angkatan Belia Islam (ABIM), PAS, Tabligh Jamaah , Islah Assosiation of Perlis are not involved in dakwah missionary activities to the non muslim. Their activities only concern the muslim society. This study found that both the Perlis branch of PERKIM and Perlis Department Islamic Affairs have implemented short terms and long terms approach of performing the da'wah.

This study also stated several problems in the implementation of dakwah or missionary activities to the non muslim society in Perlis besides giving some constructive suggestions to promote and enhance the dakwah activity in Perlis.

ملخص

محمد رشدي بن منصور : منهج دعوة رسول الله صلى الله عليه وسلم في مكة : دراسة عن تطبيقها للمؤسسات الدعوات الإسلامية ببرليس .
بحث لقسم أصول الدين ، أكاديمية الدراسة الإسلامية ، جامعة ملايا ، كوالالمبور ،
ماليزيا ٢٠٠٤/٢٠٠٥ .

هذا البحث هو شرط لاستكمال على حصول الماجستير لأصول الدين .
يحاول الباحث أن يعرض منهج دعوة الرسول صلى الله عليه وسلم لقريش في مكة .
تعد دعوته في مكة مرحلة أساسية لانتشار الإسلام وبناء حركة الدعوة الإسلامية
وهي أيضا تعتبر قدوة للدعاة إلى يومنا هذا . ولو أن أكثر سكان مكة في زمن الرسول
صلى الله عليه وسلم كانوا من قريش ولكن هناك أجناس أخرى قد سكنوا مكة .
وهذه الحالة تساوي بما في برليس على أنها تتكون من مختلفة سكانها .

ومن مناهج دعوة الرسول صلى الله عليه وسلم التي يقدمها الباحث في هذا البحث
هي منهج دعوته بعرض محتويات الدعوة وعناصرها التي يقبلها العقل السليم ، وأيضاً
منهجه من ناحية التبليغ، ومنهجه بإظهار الأخلاق الكريمة . ومن خلال هذه المناهج
التي سلكها الرسول صلى الله عليه وسلم أخذ الباحث مقارنة علمية بين المناهج التي
سارت عليها المؤسسات الدعوات حيث وجد الباحث أن هناك التتابع بين منهج
الرسول في الدعوة والمنهج الذي سارت عليه تلك المؤسسات الدعوات الإسلامية في
برليس .

وجد الباحث أن منهج الدعوة التي أخذتها مؤسسات الدعوات الإسلامية قد يساوي
منهج دعوة الرسول في بعض الأمور وقد تختلف . كانت قريش وقبائل العرب الذين
يأتون إلى مكة من المدعوين لدعوة الرسول بينما في برليس المدعوون كانوا من مجتمع
الصينيين ومجتمع الهنود ومجتمع التيلانديين . الباحث يعرض أيضا عن بعض الأمور التي

تختلف في عملية الدعوة بين مناهج الدعوة التي سلكها الرسول صلى الله عليه وسلم والمناهج التي سارت عليها الجمعيات الإسلامية ببرليس .

وجد الباحث أن عدد المؤسسات الإسلامية التي تقوم بعملية الدعوة إلى غير المسلمين محدودة حيث لا تتعدى أكثر من مؤسستين فقط من المؤسسات الإسلامية ببرليس وهي (PERKIM) بركيم فرع برليس والمؤسسة الإسلامية بولاية برليس . وأما المؤسسات الأخرى مثل حركة الشباب المسلم بماليزيا ، والحزب الإسلامي بماليزيا ، وجماعة التبليغ ، وجمعية الإصلاح ببرليس فليس لها علاقة بعملية الدعوة نحو غير المسلمين بل تتركز أنشطتهم في عملية الدعوة إلى المسلمين فقط .

تقوم هذه المؤسسات الإسلامية بعملية الدعوة لغير المسلمين ببرليس متخذة خطوات عديدة، تلك الخطوات للمستقبل القريب والخطوات للمستقبل البعيد في مناهج دعوتها. والباحث أيضا يقدم بعض المشاكل التي واجهها الدعاة خلال عملية الدعوة لغير المسلمين مع ذكر بعض الاقتراحات المناسبة في سبيل انجاح عملية الدعوة ببرليس.